

FAQ

PENTAKSIRAN KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS (PKSK)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK)?

PKSK adalah satu kaedah pentaksiran standard secara berpusat bagi kemasukan murid ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 ke Sekolah Khusus bagi tahun 2021 secara dalam talian yang menggunakan kaedah *single entry point*.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Sekolah Khusus (SK)?

Sekolah Khusus adalah terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Kolej Vokasional (KV) dan Maktab Tentera Diraja (MTD).

3. Apa yang dimaksudkan dengan *single entry point* ?

Single entry point bermaksud satu sistem permohonan yang menggunakan platform berpusat secara dalam talian bagi kemasukan ke sekolah khusus menggunakan padanan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).

4. Bagaimanakah untuk saya mengetahui saya layak memohon dan menduduki PKSK?

Semua murid yang didaftarkan di dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia layak untuk memohon dan menduduki PKSK. APDM ialah satu sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid secara online untuk menyimpan segala maklumat berkenaan murid.

5. Adakah PKSK menggantikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) atau Penilaian Tingkatan 3 (PT3)

PKSK tidak menggantikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) atau Penilaian Tingkatan 3 (PT3) . Ia hanya merupakan satu kaedah untuk menilai penguasaan murid secara keseluruhan dan tidak hanya memberi tumpuan kepada prestasi akademik semata-mata.

6. Apakah komponen PKSK dan bagaimana ianya dibahagikan?

PKSK terbahagi kepada 3 komponen iaitu:

Bahagian A : Kecerdasan Insaniah (EQ, SQ dan SSQ) – 20%

Bahagian B : Kecerdasan Intelek (IQ, Pengetahuan Am dan Penyelesaian Masalah) -70%

Bahagian C : Artikulasi Penulisan – 10%

7. Bagaimanakah PKSK dilaksanakan?

PKSK akan dilaksanakan dalam 3 sesi. Setiap sesi terbahagi kepada 2 fasa.

Dalam fasa 1 calon dikehendaki menjawab Bahagian C iaitu penulisan esei sekurang-kurangnya 100 patah perkataan bagi Tingkatan 1, dan 250 patah perkataan bagi Tingkatan 4 berdasarkan tajuk yang diberikan dalam masa 45 minit.

Seterusnya dalam fasa 2 calon perlu menjawab soalan Bahagian A dan B secara dalam talian dalam masa 90 minit bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4.

Calon hanya perlu menduduki satu sesi PKSK sahaja mengikut tarikh, tempat dan masa yang telah ditetapkan.

8. Bagaimana cara untuk mengakses sistem permohonan PKSK?

Pemohon hanya perlu memasukkan nombor mykid/mykad sendiri beserta nombor mykad penjaga utama untuk mengakses sistem.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan Penjaga Utama?

Penjaga utama ialah penjaga yang didaftarkan di dalam sistem Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM).

10. Apakah laman sesawang untuk mengakses sistem permohonan PKSK?

Pemohon boleh mengakses sistem permohonan PKSK di pautan <https://spskt1.moe.gov.my> bagi Tingkatan 1 dan <https://spskt4.moe.gov.my> bagi tingkatan 4.

11. Sekiranya maklumat peribadi yang dipaparkan di dalam sistem berbeza daripada maklumat asal, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

Pemohon perlu merujuk kepada pihak sekolah bagi mengemaskini maklumat diri dalam APDM melalui sekolah masing-masing.

12. Selain daripada permohonan secara dalam talian (*online*), adakah pemohon juga boleh membuat permohonan secara *offline* (secara manual)?

Tidak. Pemohon hanya boleh memohon secara dalam talian (*online*).

13. Adakah murid yang memohon secara dalam talian tetapi tidak menduduki PKSK masih berpeluang untuk ditawarkan ke Sekolah Khusus?

Murid yang telah membuat permohonan secara dalam talian tetapi tidak menduduki PKSK tidak akan dipertimbangkan untuk kemasukan ke mana - mana Sekolah Khusus.

14. Adakah murid masih boleh memohon selepas tarikh tutup permohonan dalam talian?

Tidak. Permohonan hanya diambil kira dalam tempoh waktu permohonan yang telah ditetapkan sahaja.

15. Bagaimana dan bilakah semakan status kelayakan untuk menduduki PKSK boleh dilakukan?

Semua murid yang telah membuat permohonan boleh membuat semakan pusat untuk menduduki PKSK di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **www.moe.gov.my** pada **07 hingga 23 Oktober 2020** bagi **Tingkatan 1 (Satu)** dan pada **12 Oktober hingga 06 Nov 2020** bagi **Tingkatan 4 (Empat)**.

16. Dimanakah dan bilakah PKSK akan dijalankan?

PKSK akan dijalankan secara serentak di semua pusat yang telah ditetapkan di seluruh negara pada **12 hingga 23 Oktober 2020** bagi **Tingkatan 1 (Satu)** dan pada **26 Oktober hingga 6 November 2020** bagi **Tingkatan 4 (Empat)**.

17. Bilakah keputusan PKSK akan diumumkan?

Keputusan PKSK tidak akan diumumkan.

18. Setelah menduduki PKSK, bilakah saya boleh membuat semakan status permohonan ?

Keputusan permohonan kemasukan ke sekolah khusus bagi **Tingkatan 1** akan diumumkan pada **15 Januari 2021** di pautan **https://spskt1.moe.gov.my** manakala bagi Tingkatan 4 pada 05 Februari 2021 di pautan **https://spskt4.moe.gov.my**

19. Sekiranya pemohon tidak ditawarkan ke mana-mana Sekolah Khusus apakah yang perlu dilakukan?

Calon Tingkatan 1 yang tidak ditawarkan ke mana-mana sekolah khusus boleh membuat rayuan di pautan **https://spskt1.moe.gov.my** bermula **15**

hingga 27 Januari 2021 dan menyemak keputusan rayuan di pautan yang sama.

Manakala bagi calon Tingkatan 4 yang tidak ditawarkan ke mana-mana sekolah khusus boleh membuat rayuan di atas talian di <https://spskt4.moe.gov.my> bermula 05 hingga 19 Februari 2021 dan menyemak keputusan rayuan di pautan yang sama.

20. Benarkah seorang calon hanya ditawarkan satu tempat sahaja di mana-mana sekolah khusus?

Benar, hanya satu tempat sahaja akan ditawarkan bagi setiap calon.

21. Bolehkah PKSK dilaksanakan di rumah masing-masing?

Tidak boleh. PKSK hanya boleh dilaksanakan di pusat-pusat PKSK yang telah ditetapkan.

22. Bolehkah calon menukar pusat PKSK sekiranya pusat yang ditetapkan itu terletak jauh dari rumah.

Calon tidak dibenarkan untuk menukar Pusat PKSK kerana pusat yang ditetapkan untuk menduduki PKSK adalah berdasarkan pilihan calon.

23. Adakah calon dikenakan bayaran untuk menduduki PKSK?

Tidak, tiada sebarang bayaran dikenakan bagi tujuan tersebut.

24. Apakah persediaan yang perlu untuk menduduki PKSK?

Semua calon yang telah membuat permohonan perlu:

- i. membuat semakan pusat untuk menduduki PKSK di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) www.moe.gov.my pada 07 hingga 23 Oktober 2020 bagi Tingkatan 1 (Satu) dan pada 12 Oktober hingga 06 Nov 2020 bagi Tingkatan 4 (Empat)
- ii. mencetak slip pendaftaran PKSK di laman sesawang tersebut untuk dibawa bersama-sama ke Pusat PKSK
- iii. membawa kad pengenalan ke Pusat PKSK
- iv. membawa peralatan tulis
- v. memakai pakaian seragam sekolah ketika menduduki PKSK
- vi. Memastikan diri sihat dan tidak bergejala Covid-19
- vii. Bawa dan sentiasa memakai pelindung muka (*face shield*) mengikut saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

viii. Amalkan penjarakan fizikal

25. Jika saya bergejala Covid-19 bolehkah saya menduduki PKSK?

Calon yang bergejala tidak boleh menduduki PKSK selaras dengan arahan KKM.

26. Apa yang boleh saya lakukan jika saya bergejala Covid-19?

Jalani pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik KKM berhampiran dan dapatkan pengesahan daripada pengamal perubatan bertauliah. Maklumkan kepada Pusat Ujian agar PKSK Khas dijadualkan semula untuk anda kelak.

27. Jika saya telah disahkan positif Covid-19, bolehkah saya menduduki PKSK?.

Tidak boleh, Maklumkan kepada Pusat Ujian, PKSK Khas akan dijalankan selepas pesakit disahkan sembuh oleh pengamal perubatan bertauliah.

28. Jarak rumah saya dengan pusat PKSK terlalu jauh, apa yang perlu saya lakukan?

Anda perlu berhubung dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk tindakan selanjutnya.